

Kuala Lumpur: Susulan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berlarutan sehingga PKP 3.0 antara faktor bilangan gelandangan di ibu negara dikesan semakin meningkat.

Pengasas Rumah Kebajikan Baitul Fiqh, Haliza Abdul Halim yang menyantuni golongan itu sejak 20 tahun lalu berkata, ramai wajah baharu gelandangan dapat dilihat berbanding wajah biasa dibantu pihaknya sebelum ini.

Malah, katanya, ada juga gelandangan yang sebelum ini sudah dapat dicarikan pekerjaan namun kini kembali menjadi gelandangan berikutan kehilangan kerja.

“Begitu juga gelandangan yang sebelum ini diserap untuk projek pembangunan kebun bandar menerusi Program Bantu Gelandangan 2.0 anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan turut dikesan kembali ke kaki lima.

“Sambil bagi makanan kita suai kenal, dengar masalah mereka. Ada bekerja tetapi masih *odd job* maksudnya mereka masih tak mampu sewa bilik dan terpaksa berteduh di jalanan.

“Ada juga saya perhatikan di kawasan tepi Sungai Klang, berlaku 100 peratus peningkatan gelandangan. Contoh-



Sambil bagi makanan kita suai kenal, dengar masalah mereka. Ada bekerja tetapi masih *odd job* maksudnya mereka masih tak mampu sewa bilik dan terpaksa berteduh di jalanan”

Haliza Abdul Halim

nya jika dahulu 100 orang sekarang terdapat 200 orang gelandangan,” katanya kepada Harian Metro.

Ramai juga yang dilihat itu katanya, adalah golongan banduan yang baru lepas bebas menjalani hukuman penjara dan terpaksa memilih jalanan sebagai tempat menetap.

Menurutnya, ada juga golongan berkeluarga yang mungkin tidak mampu membayar sewa rumah dan hidup

Jumlah peningkatan 100 peratus

bergelandangan di ibu kota.

“Tetapi untuk kes sebegini, pihak kami merujuknya kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (Maiwp) untuk bantuan.

“Malah kebanyakan mereka juga pernah bekerja di premis dobi, restoran serta menjadi sukarelawan di Masjid Jamek untuk jaga jubah kepada pelancong. Tetapi kini kebanyakan mereka tidak ada kerja. Itu sebab mereka kembali ke jalanan.

“Namun tidak dinafikan terdapat gelandangan yang berada dalam zon selesa. Mereka seolah-olah tidak mahu berubah.

“Contohnya di Chow Kit, ada antara wanita gelandangan yang bawa anak kecil duduk di jalanan, mereka suka duduk di zon selesa, suka meminta. Apa pun kita tetap bantu contohnya jika mereka memerlukan lampin,” katanya.

Haliza berkata, selain makanan, pihaknya dan beberapa rakan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) lain ser-

ta agensi kerajaan yang terabit menganjurkan program lain sebagai tambah nilai perkhidmatan.

Sebagai contoh, katanya, pemberian makanan tambahan untuk keperluan zat dan jika ada gelandangan sakit maka mereka diberikan bantuan ubat-ubatan asas.

“Malah ada juga gelandangan terabit dalam kes diserang angin ahmar, kita hantar ke hospital termasuk untuk rawatan akupunktur. Seandainya meninggal dunia, kami tetap uruskan jenazah mereka tetapi selepas polis mengenal pasti waris melalui entri Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

“Sebelum Covid-19 dan PKP, setiap minggu kami ada membuat program selawat, solat dhuha dan tazkirah di jalanan. Malah ada gelandangan mengaji hingga khatam al-Quran.

“Tetapi sekitar dua tahun kebelakangan ini, kami terpaksa hentikan sementara untuk keselamatan bersama,” katanya.

Beliau berkata, banyak program kerohanian dianjurkan pihaknya bukan sahaja untuk makan, fizikal malah dengan niat supaya golongan itu muhasabah dan menjadi insan lebih baik.